

## **Kain Tenun Pahang: Warisan Peninggalan Keraing Aji**

Afiezatul Nazlin binti Mohd Jurais  
Siti Nur Athirah binti Mohd Saufi  
Nurussobah Hussin

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### **ABSTRAK**

*Warisan seni kain tenun selalu disalah anggap ataupun sering dikelirukan oleh pengguna atau masyarakat dengan kain songket. Kebanyakannya menganggap kain tenun dan kain songket adalah sama. Walaubagaimanapun, kedua-dua kain tersebut mempunyai perbezaanya yang tersendiri. Kain tenun mempunyai pelbagai keunikannya yang menarik minat dan perhatian pemakaiannya. Bagaimana kain tenun yang asalnya dari Sulawesi atau Riau dibawa masuk ke Tanah Melayu atau Malaysia terutamanya di negeri Pahang? Fokus utama kajian ini adalah kain tenun di negeri Pahang hasil peninggalan Keraing Aji, pengasas Kain Tenun Pahang. Kain tenun di negeri Pahang seringkali menjadi buah mulut masyarakat kerana keunikannya. Bukan sahaja terkenal dalam kalangan kaum kerabat Diraja, malah digemari oleh rakyat tempatan juga. Oleh itu, tujuan kajian ini dapat merungkai latar belakang dan keunikkan corak, motif dan alatan yang digunakan dalam tenunan Pahang serta memperkenalkan teknik-teknik pembuatan kain tenun. Seiring dengan zaman serba teknologi, pembuatan kain tenun secara tradisional juga sedikit sebanyak memberi cabaran kepada penenun pada masa kini.*

**Kata Kunci:** Warisan, Tenun, Keraing Aji, Kain Tenun, Kain Tenun Pahang.

## **ABSTRACT**

*The artistic heritage of woven fabrics is often misunderstood or often confused by consumers or the community with songket fabrics. Most consider the woven fabric and songket fabric to be the same. However, both fabrics have their own differences. Woven fabrics have various uniqueness that attracts the interest and attention of its wear. How woven fabric originally from Sulawesi or Riau brought into Malaya or Malaysia especially in Pahang? The main focus of this study is the weaving of cloth in the state of Pahang as a result of the legacy of Keraing Aji, the founder of Pahang Weaving Fabric. Woven fabrics in the state of Pahang are often the talk of the town because of their uniqueness. Not only famous among the Royal family, but also loved by the locals. Therefore, the purpose of this study can unravel the background and uniqueness of patterns, motifs and tools used in Pahang weaving as well as introduce techniques for making woven fabrics. Along with the technological age, the manufacture of traditional woven fabrics is also somewhat challenging for today's weavers.*

**Keyword:** Legacy, Woven, Keraing Aji, Woven Fabric, Pahang Woven Fabric

## **PENGENALAN**

Definisi bagi tenunan ialah proses menyulam menggunakan benang loseng (yang menunggu) dan benang pakan (yang mendatang) secara berselang-seli bagi menghasilkan kain tenun. (Artisenivisual, 2011). Pada mulanya, kain tenun Pahang ini memasuki negeri Pahang sekitar abad ke-16 yang berasal dari Sulawesi atau Riau. Ia dibawa masuk oleh Tok Tuan atau Keraing Aji. Beliau yang mengetuai rombongan dan merupakan orang besar Bugis/Makasar yang berkunjung dan membuat keputusan untuk menetap di Kampung Mengkasar, Pekan. Menurut sejarah, Tok Tuan adalah individu yang dipertanggungjawabkan membaiki cara untuk menenun kain sutera pada waktu tersebut (dikenali kain tenun Pahang pada masa kini) dengan betul pada ketika itu. (Amin, 2015)

Setiap motif dan corak menghiasi pada kain membuatkan ia lagi menonjolkan keunikian dan keindahannya. Setiap corak dan motif pada kain melambangkan sesuatu kaum, darjah, kepercayaan dan sebagainya. Sama juga seperti kain Tenun Pahang yang mempunyai reka bentuk dan keunikkan

coraknya yang tersendiri. Terdapat pelbagai corak, motif dan warna yang dihasilkan pada kain Tenun Pahang untuk menampakkan lagi keindahan kainnya. (Portal Diraja Pahang, 2016)

Menurut Portal Diraja Pahang (2016), pelbagai teknik digunakan untuk menghasilkan sehelai kain Tenun Pahang ini, antaranya ialah teknik ikat dengan corak berjalur, corak menegak dan mendatar. Teknik ini biasanya digunakan untuk membuat kain samping yang dipakai bersama pakaian tradisional bagi kaum lelaki Melayu iaitu Baju Melayu. Bagi kaum wanita pula, kain sarung atau baju pasang. Bagi kain sarung tenun yang bercorak, ia dibahagikan kepada kain bercorak memanjang, melintang, corak Rawa atau Bugis dan corak Muar. Penggunaan benang emas juga terdapat pada kain untuk menghasilkan bunga-bunga kecil dan motif halus yang menghiasi pada kain. (Portal Diraja Pahang, 2016)

Pada zaman dahulu, biasanya kain tenun ini dijadikan pakaian untuk raja sehari dan kerabat-kerabat diraja. Pada masa kini, penghasilan kain tenun tidak hanya dipakai oleh pengantin dan kerabat raja sahaja, malah rakyat biasa juga telah memakai kain tenun pada masa sekarang. Kini, ia telah disesuaikan dan dimodenkan mengikut kehendak pelanggan. Biasanya ia dipakai adat istiadat Diraja, pakaian pengantin, pada majlis makan malam, dan sebagainya. Untuk menghasilkannya bukanlah satu kerja yang mudah kerana ia perlu melalui pelbagai proses. Ia juga dianggap sebagai seni yang sangat bernilai. Oleh itu, harganya bergantung kepada jenis benang dan tahap kerumitan untuk menghasilkannya. (Portal Diraja Pahang, 2016)

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kain Tenun Pahang mempunyai peminatnya yang tersendiri. Ia juga sudah tidak asing lagi dalam kalangan penggemar busana kerana kain tenunan tradisional ini mempunyai kelasnya yang tersendiri. Bukan sahaja hanya cantik pada warna dan kemasan sahaja, malah ia juga mempunyai corak dan motif lama yang turut menyerikan dan menyerlahkan lagi si pemakai. (Salasatul, Habibah, Hamzah, Mushrifah, Ruhaiza, 2018). Perkara yang menarik mengenai Tenun Pahang ini yang sudah lama dipasarkan telah berjaya menarik minat dan perhatian lapisan masyarakat apabila pelbagai

produk tenunan kain tenun dihasilkan seperti kain sarung, kain samping, alas meja, beg tangan, kotak hadiah dan lain-lain.

Dalam pada itu, terdapat juga isu-isu atau masalah yang dihadapi dalam bidang tenun ini. Antaranya ialah, generasi muda kurang berminat terhadap bidang ini. Apabila kurangnya minat dari generasi muda ini, proses untuk mewarisi warisan ini tidak akan berjaya dan akhirnya akan menyebabkan tenunan ini akan pupus ditelan arus zaman. (Salasatul, Habibah, Hamzah & Ruhaiza, 2018). Untuk mengelakkan hal ini terjadi, generasi lama haruslah memainkan peranan untuk menyedarkan generasi muda bahawa pentingnya untuk mengekalkan tradisi ini supaya generasi akan datang dapat mengenal keunikian dan kecantikan kain tenunan ini.

Selain itu, proses menenun ini mengambil masa yang lama untuk dihasilkan. Hal ini kerana ianya sukar dan melelahkan serta memerlukan penumpuan sepenuhnya dari penenun supaya corak dan motif yang dihasilkan cantik dan kemas. (Salasatul, Habibah, Hamzah & Ruhaiza, 2018). Bukan itu sahaja, faktor kesukaran dan kos yang tinggi untuk mendapatkan bahan-bahan dan sumber untuk menghasilkan sehelai kain tenun. Ia akan mempengaruhi harga kain tenun yang akan dijual dan juga mempengaruhi pengguna untuk membelinya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian mengenai kain Tenun Pahang ini dibuat adalah untuk mengkaji latar belakang mengenai kain Tenun Pahang. Hal ini demikian kerana, tidak ramai masyarakat yang tahu tentang asal-usul kain Tenun Pahang ini. Seterusnya adalah untuk mengumpul maklumat mengenai kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kain Tenun Pahang. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat zaman sekarang hanya melihat hasilnya sahaja dan tidak mengetahui bagaimana kaedah yang digunakan untuk menghasilkan kain tenun tersebut. Jadi, dengan adanya kajian ini, dapat menambah ilmu pembaca tentang kain tenun. Akhir sekali adalah untuk mengkaji cabaran yang dihadapi dalam mempertahankan warisan Tenunan Pahang pada masa kini. Di sini, pembaca dapat mengetahui apakah cabaran yang dihadapi oleh penenun-penenun untuk mempertahankan warisan ini supaya tidak ditelan zaman.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Secara khususnya, para penyelidik bertujuan untuk mengkaji beberapa persoalan kajian mengenai kain tenun dengan lebih mendalam. Persoalan kajian diterbitkan melalui objektif kajian yang telah dibincangkan. Skop kajian ini adalah untuk merungkaikan beberapa persoalan, iaitu apakah latar belakang sejarah Tenunan Pahang. Seterusnya, bagaimanakah cara yang digunakan untuk menghasilkan kain Tenun Pahang dan akhir sekali, apakah cabaran yang dihadapi dalam mempertahankan warisan Tenunan Pahang pada masa kini.

## **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Antara kepentingan dan sumbangan tenunan ini ialah masyarakat dapat mengetahui bagaimana kaedah atau cara untuk menghasilkan kain tenun. Oleh itu, ia juga dapat menarik sedikit sebanyak segenap lapisan masyarakat terhadap tenunan kain tenun ini. Tambahan pula, kajian ini juga dapat menyedarkan generasi muda bahawa pentingnya tenunan kain tenun ini untuk diwarisi supaya generasi akan datang dapat melihatnya sendiri keunikian dan kecantikan kain Tenun Pahang ini.

Dalam pada itu, masyarakat dapat mengetahui bahawa proses untuk menghasilkan sehelai kain tenun bukanlah mudah. Hal ini demikian kerana ia perlu memiliki mental dan juga fizikal yang kerana proses menenun ini memerlukan penumpuan sepenuhnya oleh penenun.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Seni tenunan dikenali sebagai satu kesenian yang melambangkan kesabaran dan ketekunan penenunanya. Ia merupakan satu anugerah kepada seorang penenun yang mempunyai nilai dan martabat yang tersendiri. Kesenian ini menjadi daya tarikan di negeri Kelantan dan Terengganu, manakala di Pahang kain Tenun Diraja Pahang merupakan satu-satunya kain tenun yang telah bertapak dan berkembang di negeri ini. Daripada warisan dan kebanggaan ini juga dapat menarik perhatian dan minat pelancong-pelancong dalam negara serta luar negara. (Habibah Abdul Jabbar, 2016).

Walaupun tenunan ini dipraktiskan dan dijadikan sebagai pekerjaan oleh sesetengah rakyat Malaysia pada masa kini, bilangan penenun semakin berkurangan, dan kebanyakan penenun adalah warga lanjut usia yang masih aktif dalam bidang ini. Kebanyakan penenun adalah wanita dan mereka telah mempelajari teknik-teknik tenunan daripada orang-orang terdahulu yang berpengalaman. Penenun ini kebanyakannya dari negeri-negeri pantai timur Malaysia seperti Kelantan, Pahang dan Terengganu serta Sarawak di timur Malaysia. (Haanim Bamadhaj, 2010). Walaupun aktiviti tenunan telah pun wujud sebelum kedatangan pembesar bugis bernama Keraing Aji, namun kain ini lebih dikenali setelah kedatangan mereka dengan memberi suntikan pada reka coraknya. Kemudian, kawasan perkampungan Melayu dan juga pusat kraf tangan menjadi tumpuan dalam industri tenunan ini. (Nor Azlin Hamidon, 2016).

Seterusnya, tekstil yang dihasilkan oleh tenunan tangan secara tradisional tidak lagi sesuai dan setanding dengan rekaan dan fungsinya pada masa kini. Seperti yang kita lihat kini, permintaan terhadap hasil tenunan tangan secara tradisional ini kurang mendapat sambutan. Hal ini kerana, sumber dan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan tenunannya adalah tinggi kosnya dan sukar untuk didapati. (Evelyn Lim, 2010).

Antara cabaran yang dihadapi oleh industri tenunan kain tenun pada masa kini ialah penggunaan kain tenun yang terhad, ketidakupayaan untuk bersaing dalam harga kuantiti dan memenuhi keperluan pembeli dan pengguna masa kini yang cenderung trend, generasi muda yang kurang berminat dengan kerjaya atau bidang tenunan dan kekurangan semangat untuk menghidupkan tenunan yang tenggelam. (Kheng, J.N.S, 2011). Selain itu, peningkatan penggunaan teknologi, peralatan dan bahan mentah yang bersesuaian sudah menjadi kemestian supaya keseniaan ini berkembang seiring dengan kemajuan kesenian global. Ini menyebabkan songket tradisional Melayu tidak dapat bersaing dengan lebih pesat dalam industri tekstil. Walaubagaimanapun, kain tenun tradisional Melayu masih mendapat tempat di hati individu-individu yang mencintainya dan menggemari barang-barang yang berkualiti tinggi dan unik. (Habibah Abdul Jabbar, 2016).

Kini tidak menghairankan bahawa kita kekurangan penenun yang mahir dan profesional. Hal ini kerana tenunan ini adalah kraf yang memerlukan

tenaga kerja yang banyak. Tambahan, kebanyakan penenun berhenti meneruskan bidang ini apabila sudah berkahwin. Mereka membuat keputusan untuk berpindah ke bandar mengikut pasangan mereka untuk hidup lebih maju dan berharap untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik. Oleh itu, adalah penting untuk memberi pendedahan dan pendidikan kepada generasi muda kini dan seterusnya memperbaharui proses tenunan tradisional kepada proses tenunan kontemporari yang mana dapat menghasilkan tenunan yang lebih menarik untuk pasaran pada masa kini. (Kheng, J.N.S, 2010).

## **METODOLOGI**

Kaedah pengumpulan data sejarah lisan dilakukan secara temubual. Sejarah lisan merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat sejarah tentang seseorang, keluarga atau hari-hari bersejarah dengan menggunakan pita suara, rakaman ataupun dengan kaedah temu ramah. Tokoh-tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ini adalah berdasarkan sumbangan maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman beliau sendiri atau mereka yang menjadi saksi melihat kejadian-kejadian tersebut. Maklumat yang diperoleh dari temu ramah tersebut akan didokumentasikan untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan (Rozeman, 2004).

Kajian tentang sejarah lisan dibuat ke atas tokoh-tokoh yang berpengalaman dan mengetahui peristiwa sejarah terdahulu. Di Malaysia umpamanya, temuramah dilakukan bersama tokoh-tokoh yang masih hidup seperti mereka yang berpengalaman melalui zaman Jepun di Tanah Melayu, wira-wira kebangsaan dan sebagainya kerana mereka menjadi saksi melihat peristiwa 13 Mei di Malaysia. Kajian tetap dapat diteruskan walaupun tokoh tersebut telah meninggal dunia.

Penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang telah meninggal dunia melalui orang yang paling rapat dengan beliau. Contohnya seperti, ahli keluarga beliau ataupun sahabat-handai. Antara tokoh yang sudah meninggal dunia tetapi tetap boleh dilakukan kajian sejarah lisan terhadapnya adalah seperti Tun Hussein Onn, Tun Abdul Razak, dan lain-lain. (Cik Ramlah, Radia Banu, Noor Azlinda dan Siti Roudhah, 2012).

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa sejarah lisan amatlah penting untuk mendapatkan maklumat sejarah yang tidak direkod dan peristiwa-peristiwa lampau yang telah berlaku. Hal ini demikian kerana, sumber sejarah lisan amatlah sukar untuk diperoleh pada masa kerana kurangnya kajian terhadap sejarah lisan yang dijalankan. Oleh itu, kajian sejarah lisan perlu dilakukan untuk mengumpul maklumat-maklumat sejarah yang penting. Hal ini kerana, dengan maklumat-maklumat yang diperoleh dapat digunakan sebagai bahan rujukan untuk proses pembelajaran dan penyelidikan pada generasi yang seterusnya. Oleh itu, kajian ini tetap diteruskan untuk mengkaji tentang seorang tokoh wanita yang merupakan penenun songket di Pahang. (UKM, 2007)

Penyelidikan ini menggunakan kaedah temubual. Temubual adalah proses yang melibatkan perbualan di antara penyelidik dan pemberi maklumat kajian untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan objektif kajian dapat dicapai. Terdapat beberapa jenis temubual antaranya ialah temubual berstruktur ataupun temubual formal, temubual tidak berstruktur serta temubual semi struktur. (Rozmi Ismail, 2015)

Perkara yang membezakan temubual berstruktur dan tidak berstruktur adalah dari segi set soalan yang disediakan untuk temubual tersebut. Temubual berstruktur soalannya lebih jelas kepada objektif kajian dan akan di temubual secara khusus. Manakala, bagi temubual tidak berstruktur set soalannya boleh dikembangkan. Pemberi maklumat boleh mengulas dan menjelaskan jawapan mereka serta temubual berstruktur ini adalah temubual yang tidak formal atau secara ringkas keadaannya seperti pemberi maklumat sedang bercerita.

Kemudian, temubual semi struktur pula adalah temubual separa formal. Soalan-soalan bagi temuduga ini boleh diubahsuai, dikurangkan atau ditambahkan bergantung kepada keadaan temuduga dan jawapan yang diberikan oleh pemberi maklumat. Penyelidik akan menggunakan kaedah temubual semi struktur untuk kajian ini. (Rozmi Ismail, 2015)

Tokoh dipilih melalui carian di sekitar kawasan penyelidik kerana terdapat kekangan seperti halangan untuk rentas negeri kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di beberapa negeri disebabkan pandemik Covid19. Kemudian, tokoh dicari dan dipilih mengikut tema yang diberikan iaitu tema warisan. Maka, penyelidik membuat keputusan untuk memilih bidang tenunan

kain tenun sebagai bidang dalam kajian ini. Penyelidik telah temui tokoh dalam bidang tenunan kain tenun iaitu penenun yang banyak pengalaman dalam tenunan kain tenun.

Pada peringkat awal temubual, penyelidik telah mengumpul maklumat dan kajian yang lepas sebagai rujukan yang dapat disediakan sebelum sesi temubual dijalankan. Kemudian, penyelidik telah merancang perjalanan untuk pergi melawat dan meninjau tempat kajian tokoh yang penyelidik telah pilih iaitu penenun di sebuah kampung yang terletak di Pekan, Pahang. Selain daripada penyelidik melawat tempat kajian untuk jalankan sesi temubual bersama tokoh, penyelidik juga telah menjalankan sesi temubual secara atas talian, seperti menggunakan Whatsapp ataupun panggilan video. Ini kerana situasi kesihatan di Malaysia adalah di keadaan pandemik oleh kerana diserang penyakit wabak Covid-19. Demikian dapat mengurangkan risiko jangkitan daripada penyakit tersebut kepada tokoh dan juga penyelidik. Walau Bagaimanapun, segalanya bergantung kepada keadaan dan arahan daripada pihak kerajaan Malaysia

## **HASIL KAJIAN**

### **Latar belakang Tenun Pahang**

Menurut Nortipah Abdul Kadir (2020), Kain Tenun Pahang berasal dari Sulawesi. Ia dibawa masuk sekitar abad ke-16 dari Makasar, Indonesia ke Pekan, Pahang. Rombongan ini dibawa masuk oleh orang besar Bugis dan diketuai oleh Keraing Aji atau lebih dikenali sebagai Tok Tuan. Beliau merupakan individu yang mengasaskan Tenun Pahang. Beliau juga mempunyai ilmu pengetahuan mengenai tenunan dan seni berkarya pada fabrik halus dan pakaian. Selain itu, beliau juga mengajar serta membimbing penduduk kampung tentang cara untuk menghasilkan kain tenun. Puan Nortipah merupakan generasi kesebelas keturunan Keraing Aji. Beliau menyambung warisan peninggalan Keraing Aji sehingga kini dan merupakan Adiguru Tenun Pahang DiRaja di negeri Pahang. Sehingga kini, Tenun Pahang berkembang pesat menjadi persalinan tradisional, termasuklah songket yang pada mulanya hanya dipakai oleh kaum kerabat diraja dan golongan bangsawan sahaja. Kini, bukan sahaja kaum kerabat diraja dan golongan bangsawan sahaja yang memakainya tetapi ia juga dipakai oleh rakyat biasa dan dipakai pada acara rasmi, perkahwinan atau majlis keraian.



Gambar 1: Salah satu Kain Tenun Pahang

### **Jenis-jenis corak**

Terdapat pelbagai jenis corak pada kain Tenun Pahang. Motif utama yang selalu terdapat pada kain tenun adalah motif petak-petak dan jalur tegak atau melintang. Reka corak pada kain tenun terbahagi kepada dua iaitu reka corak lama dan reka corak baru. Reka corak lama yang menjadi asas pilihan buat penenun adalah reka corak yang direka oleh Keraing Aji iaitu Jaluran Melintang atau Berdiri. Namun, hari demi hari reka corak ini berubah mengikut cita rasa para pelanggan yang mahukan corak yang berlainan pada kain mereka. Hasil percampuran antara corak yang diasaskan oleh Keraing Aji dan corak yang diilhamkan oleh pelanggan maka terhasillah berbagai jenis corak jalur dan berwarna-warni yang lebih menarik antaranya ialah Corak Anak Lebah, Corak Batang Pinang, Corak Jalur Biasa, Corak Bunga Cengkih, Corak Pahang, Corak Biji Peria, Corak Tubok Sekampung dan lain-lain. Antara corak tersebut, Corak Tubok Sekampung merupakan antara corak yang paling rumit untuk dihasilkan kerana jejalurnya halus Sepit Udang serta saling bertindihan antara satu sama lain. Untuk menghasilkan corak ini, pembahagian warna benang perlu diteliti oleh si penenun. Seterusnya ialah reka corak baru. Pada abad ke-19, terdapat perubahan pada Kain Tenun Pahang kerana golongan istana, orang-orang besar dan orang dari kalangan yang mampu membuat cadangan dan perubahan pada kain tenun ini, maka lahirlah reka corak yang lebih menarik dan menawan. Biasanya, reka corak baru ini terhasil dan dipadankan dengan nama seseorang individu seperti Corak Tengku Ampuan, Corak Tok Muda, Corak Datuk Bandar, Corak Tun Razak, Corak Tapak Catur dan banyak lagi. Menurut Nortipah (2020), Corak Tok Muda adalah corak yang

direka oleh beliau untuk Tok Muda yang merupakan orang istana pada masa itu dan corak ini merupakan corak yang digemari oleh orang-orang istana.



Gambar 2: Corak-corak Kain Tenun Pahang.

### **Cara-cara pembuatan kain tenun**

Terdapat lapan peringkat untuk menghasilkan sehelai kain tenun. (Nortipah, 2020) Peringkat pertama adalah mewarnakan sutera putih semalam supaya warna yang dikehendaki dapat menyerap masuk ke dalam urat-urat benang tersebut. Selepas itu, basuh sehingga keluar air jernih dan jemur sehingga kering. Pada peringkat ini, proses untuk mematikan warna adalah dengan menggunakan soda dan garam. Peringkat kedua adalah proses menerau. Setelah benang yang dijemur tadi kering, benang akan dipindahkan dari peleting dengan menggunakan rahat dan guwing. Peringkat ketiga adalah menganing (mengatur corak) di mana peleting yang telah diisi dengan benang, disusun di atas meja atau tempat untuk manganin. Peringkat keempat adalah menyusuk. Proses ini adalah proses memasukkan benang ke dalam gigi jentera dengan menggunakan jarum penusuk. Peringkat kelima adalah menggulung. Benang akan digulung ke papan gulung sehingga sempurna. Kemudian, benang akan dihubungkan kepada ‘karap’ dan diletakkan ke atas ‘kek’. Peringkat keenam adalah proses mengarat. Mengarat adalah proses di mana benang-benang tersebut akan dibahagikan kepada dua lapisan atas dan bawah. Kebiasaannya, proses ini memakan masa selama lima hari. Peringkat ketujuh adalah proses menegung, di mana pada peringkat ini penenun akan membaiki kain jika perlu dibaiki. Akhir sekali adalah proses menenun dan seterusnya terhasil lah sehelai kain tenun.



Gambar 3: Cara menggunakan rahat dan guwing.



Gambar 4: Menunjukkan seorang penenun menggunakan kek.

### Keunikan kain tenun warisan Keraing Aji

Antara keunikkan kain tenun yang diwarisi oleh keturunan Keraing Aji adalah corak yang dihasilkan. Hal ini kerana terdapat beberapa corak yang dihasilkan oleh keluarga keturunan Keraing Aji yang tidak dapat dihasilkan dan dikongsi cara pembuatannya dengan orang lain. Antara corak tersebut adalah corak Usik. Ia merupakan satu-satunya corak yang dibawa oleh pengasas Kain Tenun Pahang iaitu Keraing Aji daripada Istana Mengkasar. Oleh itu, untuk generasi terkini yang menghasilkan corak warisan tersebut ialah keluarga Puan Nortipah iaitu generasi ke sebelas keturunan Keraing Aji dan juga beliau seorang adiguru dalam bidang tenunan Kain Tenun Pahang. Warisan corak ini hanya dihasilkan oleh keluarga tersebut sahaja untuk mengelakkan berlaku niat-niat tidak baik seperti hak penciptaan corak daripada orang lain terhadap corak warisan Keraing Aji. (Nortipah, 2020) Erti kata mudah ianya dianggap seperti amanah keturunan yang perlu dijaga dengan baik. Corak ini juga mendapat sambutan permintaan yang tinggi daripada penggemarnya dan tentulah harganya tinggi kerana keaslian, keunikkan dan kecantikkan kualiti corak tersebut.

### **Perbezaan kain tenun dan songket**

Kain tenun dan songket merupakan kain tradisional yang popular dan digemari oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Corak dan warna kain tersebut sering menjadi buah mulut pemakainya bukan sahaja warga tempatan malahan warga luar negara juga. Tetapi, kebanyakkan masyarakat keliru tentang perbezaan antara kain tenun dengan songket. Puan Nortipah (2020) menjelaskan, cara pembuatan dan prosesnya adalah sama. Namun, susunan corak dan motif yang digunakan oleh kedua-dua kain tersebut berbeza. Secara amnya, tenun adalah berasal daripada sehelai benang dan diproseskan melalui lapan peringkat lalu menjadi sehelai kain. Di negeri Pahang ia lebih dikenali dengan tenun manakala di negeri lain dikenali sebagai songket. Ianya banyak digunakan oleh golongan lelaki sebagai kain samping. Kain tenun mempunyai corak yang sama di kedua-dua bahagian hujungnya dan berlainan dengan corak utama di bahagian tengah kain. Benang kapas atau sutera yang telah diwarnakan adalah bahan utama dalam pembuatan kain tenun. Songket pula adalah sejenis kain tenunan tradisional orang melayu di Malaysia, Indonesia dan juga Brunei. (Songket-Terengganu, n.d) Biasanya ia ditenun dengan menggunakan bantuan tangan dan kaki. Benang sutera, kapas atau polyester adalah antara bahan utama dalam pembuatan songket. Jenis benang yang digunakan menentukan kelembutan, seri dan mutu kain tersebut. Songket mempunyai corak dan motif dimana motifnya memaparkan ciri-ciri unik identiti orang melayu. (Songket-Terengganu, n.d) Permukaan kain tenun adalah lebih rata berbanding kain songket. Hal ini kerana, songket menggunakan anyaman benang yang timbul. (Fitinline, 2016).

### **Cabar yang dihadapi oleh penenun dalam bidang tenun**

Setiap pekerjaan yang dilakukan pasti akan ada cabaran yang bakal dihadapi. Begitu juga dalam bidang tenun ini, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh penenun dalam mengekalkan warisan kain tenun ini. Ditambah pula pada era globalisasi dan moden ini, tidak dinafikan bahawa warisan kain tenun semakin dilupakan. (Wahsalfelah, 2006) Kerana permintaan terhadap kain tenun kurang memuaskan atas faktor pengaruh fesyen barat. (Nortipah, 2020) Oleh itu, penenun perlu bersaing dengan pereka-pereka fesyen terkini

dalam mengeluarkan kain tenun yang berkualiti seiring dengan zaman. Malahan, penenun juga perlu lebih kreatif dalam menghasilkan corak dan motif pada kain tenun. Kemudian, faktor harga juga merupakan cabaran si penenun. (Siti Norkhalbi, 2006). Sumber dan bahan yang digunakan untuk menghasilkan sehelai kain tenun memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, harga yang dibeli oleh pengguna adalah tinggi. Selain itu, faktor pengeluaran lebih tinggi dari permintaan atau pembelian dari pengguna. Hal ini kerana, harga yang tinggi dan mempunyai nilai sejarah dan warisan pada kain tersebut. Kebanyakkan penenun kain tenun tidak mahu mengorbankan keaslian dan kehalusan kain tenun mereka semata-mata kerana mereka lebih mementingkan nilai budaya dan warisan kain tenun tersebut. (Siti Norkhalbi, 2006). Walaubagaimanapun, cabaran yang paling utama dihadapi oleh penenun ini adalah kesabaran dan ketelitian yang tinggi. (Nortipah, 2020). Setiap penenun perlu mempunyai tahap kesabaran dan ketelitian yang tinggi dalam menjamin pengeluaran kain tenun yang berkualiti tinggi.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, proses menenun bukanlah satu proses yang mudah kerana proses pembuatannya perlu teliti supaya ia kelihatan cantik dan kemas kepada si pemakai. Jadi, kita sebagai masyarakat di Malaysia haruslah menghargai setiap titik peluh penenun dengan mengekalkan kain tenun sebagai pakaian tradisional orang Melayu. Kita mestilah mengekalkan warisan tradisional kain Tenun Pahang ini supaya tidak pupus ditelan zaman, supaya generasi yang seterusnya dapat melihat sendiri keunikian dan keistimewaan kain tenun itu sendiri. Oleh itu, kita haruslah menghargai dan mewarisi warisan tradisional ini untuk mengekalkan tradisi ini di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Amin Ridzuan Ishak. (2015). Sepit udang pemanis Tenun Diraja Pahang. Retrieved December 23, 2020 from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/81166/sepit-udang-pemanis-tenun-diraja-pahang>
- BUSANA TENUN PAHANG. (n.d.). Retrieved November 2, 2020 from [http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page\\_id=640](http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=640)
- Cikgu Mis. (2015). Tenunan. Retrieved December 23, 2020 from <http://artisenivisual.blogspot.com/2011/11/tenunan.html>
- Fadz dila. (2016). Temu bual. Retrieved November 1, 2020, from <https://www.slideshare.net/fadzdila1/temu-bual>

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA ISSN 2600-7088 JILID 5 ISU KHAS  
SEJARAH DAN WARISAN NEGARA**

- Fitinline. (2016). 3 Perbedaan Kain Tenun Ikat dan Kain Songket. Retrieved January 12, 2021, from <https://fitinline.com/article/read/3-perbedaan-kain-tenun-ikat-dan-kain-songket/>
- Jabbar, H. A., Hamidon, N. A., Ab Kadi, M. I., Abdul Jabbar, A. R., & Ahmad, M. R. (2016). INOVASI STRUKTUR TENUNAN DALAM PENGHASILAN KAIN TENUN PAHANG DIRAJA. INOVASI STRUKTUR TENUNAN DALAM PENGHASILAN KAIN TENUN PAHANG DIRAJA. Retrieved December 28, 2020, from <https://core.ac.uk/display/153212237>
- KEPENTINGAN SEJARAH LISAN. (2007). Retrieved November 2, 2020 from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>
- Kheng, J., Lim, E., & Bamadhaj, H. (2010). Sustaining the Magnificent Craft of Weaving Songket in Malaysia. Retrieved November 2, 2020 from [www.fibre2fashion.com](http://www.fibre2fashion.com)
- Kheng, J. (2012, September). Songket Weaving Malaysia: Sustaining the Magnificent Craft of Songket Weaving in Malaysia. Retrieved November 2, 2020 from <https://www.fibre2fashion.com/industry-article/6593/sustaining-the-magnificent-craft-of-songket-weaving-in-malaysia>
- Kheng, J. (2015). Revitalising the Craft of Songket Weaving through Innovation in Malaysia. Retrieved November 2, 2020 from <https://ir.unimas.my/id/eprint/2558/>
- KRAF TRADISIONAL TENUNAN. (n.d.). Retrieved January 15<sup>th</sup>, 2020 from <https://sheilaakmar.wordpress.com/tenunan-pahang/>
- Mas Ayu Zainal @ Ismail. (2012). Tenun Pahang Diraja. Retrieved November 2, 2020 from <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=79136>
- Malaysian Songket: Sarajo Antique Textiles. (n.d.). Retrieved November 2, 2020 from <https://www.sarajo.com/product/malaysian-songket/>
- Rozeman Abu Hassan. (2004). Mengenali dan Mentafsir Sumber-sumber Sejarah. Shah Alam: Karisma Pub.
- Safwan Bin Badrun Mosaini. (2013). Ilmu: Sejarah Tenunan Pahang : Songket. Retrieved January 14<sup>th</sup>, 2020 from <http://crexzo-production.blogspot.com/2013/03/sejarah-tenunan-pahang-songket.html>
- Salasatul Akma Amirruddin, Habibah Binti Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris & Ruhaiza Abu Bakar. (2018). Peranan Pengusaha Dalam Pembangunan Warisan Tenunan Pahang DiRaja. Retrieved January 26, 2021, from <file:///C:/Users/USER/Downloads/84-Article%20Text-124-1-10-20180501.pdf>
- Sejarah Tenun Pahang Di Raja. (2013). Retrieved January 14<sup>th</sup>, 2020 from <http://jkkkgmengkasar.blogspot.com/2017/04/sejarah-tenun-pahang-di-raja.html>
- Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN. Retrieved November 2, 2020, from [http://eprints.usm.my/34074/1/10\\_Radia\\_12.pdf](http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf)

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA ISSN 2600-7088 JILID 5 ISU KHAS  
SEJARAH DAN WARISAN NEGARA**

Songket-Terengganu, (n.d.). PERBEZAAN KAIN TENUN, SONGKET, DAN LIMAR. Retrieved January 12, 2021, from <https://songket-terengganu.com/article.php?content=a11>

Star, L. (1984). Oral History. In: D.K.B Dunaway and K. Willa (Ed.). Oral History: An Interdisciplinary Anthology. London: Altamira Press.

Tenun Pahang Diraja. (n.d.). Retrieved January 14<sup>th</sup>, 2020 from <https://pknp.gov.my/index.php/pautan/tenun-pahang-diraja>

Wahsalfelah, S. (2006). Kain Tenunan: Warisan, Cabaran dan Masa Depan. Retrieved January 14, 2021, from [https://www.academia.edu/172116/Kain\\_Tenunan\\_Warisan\\_Cabaran\\_dan\\_Masa\\_Depan](https://www.academia.edu/172116/Kain_Tenunan_Warisan_Cabaran_dan_Masa_Depan)